



## UNTUK SIARAN SEGERA

### MIDF PERKUKUH PEMBANGUNAN PKS MELALUI SEMINAR AUTOMASI DAN IR4.0

***Kuching, 21 September 2018*** – Malaysia Industrial Development Finance Berhad (MIDF) melalui Divisyen Kewangan Pembangunan (DFD) menganjurkan program Turun Padang dan Seminar Automasi dan IR4.0 di Kuching, Sarawak pada hari ini untuk meningkatkan kesedaran mengenai usaha kerajaan dalam membantu perniagaan serta menggalakkan usahawan tempatan untuk melibatkan diri dengan agensi kerajaan. Seminar tersebut juga bertujuan untuk memberi pendedahan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana terhadap Automasi dan IR4.0 serta bantuan-bantuan yang sedia ada untuk dimanfaatkan.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, YB. Darell Leiking yang menghadiri seminar tersebut turut melawat dua buah kilang iaitu Water Genesis Sdn Bhd di Pusat Komersil Green Heights dan Elim Industries Sdn Bhd di Zon Inudtri Bebas Sama Jaya untuk sesi beramah mesra dengan penggiat industri.

MIDF telah membantu Water Genesis Sdn Bhd dan Elim Industries Sdn Bhd menerusi pelaburan jentera dan peralatan serta kemudahan pembiayaan hartanah. Hubungan jangka panjang antara MIDF dan Water Genesis Sdn Bhd, yang pada dasarnya terlibat dalam penghasilan air minum botol, bermula pada tahun 2004. MIDF telah memainkan peranan penting dalam pembiayaan pemerolehan mesin untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran syarikat serta meningkatkan kecekapan barisan pengeluarannya.

Elim Industries Sdn Bhd yang terlibat dalam pembuatan dan penjualan produk plastik serta perdagangan umum plastik, kertas dan sisa lain pula merupakan pelanggan MIDF sejak tahun 2006.

Seramai lebih 100 orang menyertai Seminar Automasi dan IR4.0 yang diadakan di Pullman Hotel. Dengan adanya seminar ini, ia dapat memberi pandangan terhadap prospek ekonomi dan Industri 4.0 serta maklumat mendalam mengenai automasi di kalangan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Peserta membuat sebahagian besar acara dengan rangkaian dengan rakan usahawan dari PKS dan pelbagai industri.

Pengarah Urusan Kumpulan MIDF Dato' Charon Mokhzani yang turut hadir di seminar tersebut berkata "MIDF akan terus menyokong syarikat tempatan di Sarawak dengan menyediakan pembiayaan dan memberi mereka akses kepada maklumat tentang produk, perkhidmatan, dan insentif kewangan yang telah disediakan oleh Kerajaan dan agensinya.

MIDF telah menganjurkan beberapa sesi taklimat dan sesi suai kenal di seluruh negara untuk memastikan bahawa para penggiat industri automasi dilengkapi dengan maklumat yang mencukupi untuk membantu mereka bergerak ke hadapan.

Untuk membantu membangunkan perniagaan tempatan, MIDF menyediakan beberapa skim pembiayaan untuk syarikat-syarikat PKS dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Bagi negeri Sarawak sahaja, MIDF telah meluluskan dana kira-kira RM885.9 juta untuk 809 syarikat sejak tahun 1960.

MIDF akan terus memberi sokongan kepada syarikat-syarikat tempatan dengan pelbagai bantuan kewangan supaya mereka dapat mengatasi halangan persaingan sengit dan cabaran ekonomi. MIDF sedang menguruskan RM2.4 bilion dalam skim pinjaman mudah untuk membantu PKS untuk berdaya saing.

MIDF menyediakan pembiayaan komprehensif dengan kadar pembiayaan yang tinggi, terma pembayaran balik yang lebih panjang dan menawarkan kadar untung serendah 4% setahun. MIDF telah membantu 10,818 syarikat tempatan dengan jumlah pinjaman yang diluluskan sebanyak RM14.5 bilion sejak ditubuhkan pada tahun 1960.

###

## **Mengenai MIDF**

MIDF ditubuhkan pada tahun 1960 sebagai hasil daripada kajian oleh Bank Dunia. MIDF adalah institusi pembangunan utama negara dan telah memainkan peranan penting dalam mempercepatkan pembangunan dan pemodenan industri perkilangan negara.

MIDF kini menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan yang berdaya saing termasuk Perbankan Pelaburan, Kewangan Pembangunan, Pengurusan Aset dan Pembiayaan Mezanin.

MIDF merupakan anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad.

## **Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

### **Irmawati Mahamad Tahir**

Ketua Komunikasi Korporat Kumpulan

Tel: (03) 2173 8756

Faks: (03) 2173 8499

HP: (012) 492 3707

Emel: [irmawati@midf.com.my](mailto:irmawati@midf.com.my)

### **Mastura Md Mukhlas**

Eksekutif Komunikasi Korporat Kumpulan

Tel: (03) 2772 1832

Faks: (03) 2173 8499

HP: (012) 2000 381

Emel: [masturam@midf.com.my](mailto:masturam@midf.com.my)

### **Noorfazilah Rebatin**

Eksekutif Komunikasi Korporat Kumpulan

Tel: (03) 2772 8753

Faks: (03) 2173 8499

HP: (017) 2300 943

Emel: [noorfazilah@midf.com.my](mailto:noorfazilah@midf.com.my)